

31 OCT 1997

G15-Ketelusan

CHILE MENYOKONG PENDIRIAN DR M DALAM URUSNIAGA MATA WANG

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Chile menyokong pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang urusan mata wang perlu lebih telus.

Menteri Ekonomi Chile Alvaro Garcia hari ini berkata, masalah ekonomi yang disebabkan oleh penurunan nilai mata wang beberapa negara Asia menunjukkan ketelusan yang lebih diperlukan dalam urusan mata wang.

"Saya berpendapat lebih telus, lebih baik lagi. Tidak banyak maklumat mengenai sumber modal dalam urusan mata wang dan sebab itulah saya berpendapat kawalan yang lebih diperlukan," kata beliau kepada pemberita di Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di sini, hari ini.

Ditanya sama ada perlu peraturan baru untuk mengawal pergerakan nilai mata wang, Garcia berkata perkara itu memerlukan perbincangan lanjut kerana sementara adanya "persefahaman" jelas bagi urusan barangan dan perkhidmatan, tiada pula peraturan bagi urusan kewangan.

"Penguatkuasaan peraturan boleh membantu menggalakkan pembangunan di negara-negara kita," kata beliau.

Beliau berkata, dalam mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi yang terulung kali diadakan itu mereka juga membincangkan kejatuhan pasaran saham di seluruh dunia pagi ini.

" Kita di Chile percaya perlu mengelakkan kemasukkan modal kewangan jangka pendek. Kita telah mengambil langkah-langkah untuk berbuat demikian," kata beliau.

Beliau berkata, Chile menyambut baik kedatangan pelabur asing, tetapi ia tidak mempunyai ruang untuk spekulasi yang boleh menjejaskan ekonominya.

Pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang bersidang di sini dijangka mengeluarkan pernyataan khas mengenai krisis mata wang yang telah menjejaskan dua anggota perkumpulan itu, iaitu Malaysia dan Indonesia. -- BERNAMA

NI HAK PR